

PERDANA MENTERI KITA

S. Hashim Ahmad



ABDUL RAZAK HUSSEIN

Perdana Menteri Kita

ABDUL RAZAK HUSSEIN

Era Pembangunan

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.
TEL: 26937740
FAKS: 26937335



S. HASHIM AHMAD



Semua ilustrasi dan penambahan warna pada gambar-gambar sejarah hanyalah hiasan mengikut jalan cerita dan imiginasi penerbit. Ini adalah semata-mata untuk memudahkan kefahaman pembaca. Ianya tidaklah bermaksud menggambarkan mana-mana watak sebenar.

© September 2001 S.Hashim Ahmad
JUZ' ART

Terbitan:
JUZ' ART (000978011-D)
32 Jalan Watan 7,
Taman Sri Watan,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel/Fax : 03-4296 6718
E-mail : juzart@hotmail.com

Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

S. Hashim Ahmad

Abdul Razak Hussein perdana menteri kita : era pembangunan /
S. Hashim Ahmad.

ISBN 983-99269-5-0

1. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922-1976. 2. Prime
ministers--Malaysia--Biography. 3. Malaysia--Economic policy.

I. Judul
923.2595

Terima kasih kepada: Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, Bahagian Foto Jabatan Penerangan Malaysia, Bahagian Penyelidikan Ibu Pejabat UMNO Malaysia dan mereka yang telah membantu sama ada syarikat mahupun individu.

Pencetak:

BENDIGO ENTERPRISE (001054136-P)

No. 27 Jalan Gangsa SD 5/3C,
Sri Damansara Industrial Park,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.


Pengarah Penerbitan : Syed Shahron

Pengarah Grafik : Syed Shahrin

Penolong Grafik : Sharifah Suriani & Syed Shahmir

Rekaletak Huruf : Zuraini Mat Yasim

Pengawal Mutu : Zabedah Mohd Shahir & Mohd Asri Asgari



PERDANA MENTERI Malaysia yang kedua ialah Tun Abdul Razak bin Hussein. Allahyarham Tun Abdul Razak telah memegang jawatan sebagai Perdana Menteri bermula pada tahun 1971 hingga tahun 1976 iaitu selepas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melepaskan jawatan tersebut.

Walaupun Tun Abdul Razak memegang jawatan Perdana Menteri hanya buat selama lima tahun sahaja tetapi beliau lama menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu 12 tahun membantu Tunku Abdul Rahman mentadbir negara.

Tun Abdul Razak adalah anak seorang bangsawan negeri Pahang.

Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri setelah 12 tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri kepada Tunku Abdul Rahman.



Bapa Allahyarham seorang Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri yang begitu rapat dengan kalangan Istana. Tetapi, Tun Abdul Razak dibesarkan oleh Allahyarham datuk dan keluarga di Jambu Langgar.



Tun Abdul Razak dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang. Nama Abdul Razak itu bermakna, 'hamba Allah', maka benarlah beliau sentiasa memikir dan bekerja menurut suruhan Allah di mana sentiasa memikir dan berusaha membaiki kehidupan rakyat jelata.

Ibu Tun Abdul Razak bernama Datin Fatimah Haji Daud. Tun Abdul Razak adalah anak sulung kepada pasangan

Datuk Hussein Mohd Taib dan Datin

Fatimah. Adik perempuan Tun Abdul

Razak bernama Datin

Maimunah, mendirikan

rumahtangga

d e n g a n

Allahyarham

D a t u k

M u h a m m a d

Jusof, seorang

bekas Menteri

Besar Pahang.



Sungguhpun Tun Abdul Razak anak kepada seorang bangsawan tetapi beliau dibesarkan dalam suasana kampung dan hidup sebagai seorang anak kampung. Pacat dan lintah di sawah bukan lagi menjadi perkara pelik baginya.

Beliau sudah biasa dengan lumpur dan hutan belukar.



Malahan sedari kecil lagi Tun Abdul Razak sering bermandikan peluh membantu keluarga di sawah. Kerbau menjadi tunggangannya ketika di sawah padi.

Di kampung, beliau bukan dianggap sebagai anak pegawai tinggi kerajaan, tetapi sifat dan pergaulan beliau menyebabkan dirinya sama sahaja dengan kanak-kanak kampung yang lain.



Ketika berusia 6 tahun, Tun Abdul Razak dimasukkan ke sekolah kampung berdinding kayu beratap nipah. Seperti kanak-kanak kampung yang lain beliau juga ke sekolah berjalan kaki dengan **berkaki ayam**.

Setiap hari Tun Abdul Razak ke sekolah dengan dibekalkan wang satu sen. Dengan wang poket satu sen itulah Tun Abdul Razak berbelanja dengan membeli makanan dan minuman. Ada ketika juga, wang satu sen itu pun tidak mampu diberi oleh datuknya.

Bagi Tun Abdul Razak wang sejumlah satu sen itu bukan sekadar memadai untuk belanja ke sekolah, tetapi juga terfikir bahawa wang sebanyak itu sudah terasa kaya. Begitulah

Berkaki ayam - tidak memakai apa pun di kaki



sifat syukur Tun Abdul Razak dengan apa yang diperolehinya.



Walaupun di zaman itu agak besar juga nilai satu sen, tetapi rasa syukur yang ada dalam dirinya itu amat besar ertinya. Sebagai kanak-kanak yang

dididik dan dibesarkan di kampung, Tun Abdul Razak sentiasa menoleh ke zaman kanak-kanak dan remajanya biarpun beliau sudah menjadi pemimpin negara.


Suasana kehidupan di sawah bendang dan dusun dengan bermandikan lumpur dan berkaki ayam melintasi batas, lorong, semak samun tidak dapat dilupakan oleh Tun Abdul Razak. Baginya itulah pengalaman hidup yang perit dan susah di kala kecilnya ketika n e g a r a



dicengkam oleh penjajah seperti Jepun dan Inggeris.

Kepayahan hidup ketika kecil itu menanamkan **azam** kuat baginya meneruskan pelajaran hingga ke peringkat tertinggi. Tun Abdul Razak juga di kurnia Allah otak yang cerdas dan pintar.

Semasa berada di sekolah rendah di kampung, beliau tidak sombong atau berlagak seperti anak seorang **bangsawan**. Sifat merendah diri membuatkan rakan sekolah dan para guru menganggap beliau anak kampung biasa sama seperti kanak-kanak lain.



Selepas waktu sekolah, Tun Abdul Razak ke surau mempelajari membaca al-Quran dan fardhu ain seperti

Azam - kemahuan, keinginan, cita-cita

Bangsawan - bangsa atau keturunan yang mulia



Tun Abdul Razak amat meminati sukan, banyak aktiviti sukan yang dianjurkan. Kelihatan beliau merasmikan Kejohanan Bola Keranjang Wanita Asia.

kebiasaan dilakukan oleh setiap anak-anak Melayu kampung yang beragama Islam. Itu adalah *rutin* harian beliau.

Pada tahun 1933 Tun Abdul Razak telah di pilih oleh Resident Pahang untuk meneruskan

pengajiannya ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak yang ketika itu dikenali sebagai 'MCKK' (Malay College Kuala Kangsar)'.

Beliau mendaftar diri di Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 26 Januari 1934. Di awal pengajiannya di sini, Tun Abdul Razak menghadapi satu masalah kerana beliau tidak mempelajari bahasa Inggeris ketika di sekolah rendah di kampung sebelumnya.


Bagaimanapun dengan azam dan kesungguhan yang

kuat, segala kesukaran itu dapat di atasi dengan baik dan cemerlang. Tun Abdul Razak telah menunjukkan *prestasi* pelajarannya yang baik dalam tahun pertama beliau memasuki maktab tersebut.

Paling menakjubkan ialah Tun Abdul Razak berjaya melompat kelas selepas tahun pertama dan empat tahun setengah belajar beliau berjaya memperolehi kelulusan 'School Certificate Examination' dalam tahun 1937. Beliau disifatkan sebagai seorang pelajar cemerlang baik dalam pelajaran mahupun tingkah laku.

Selain daripada terpilih menjadi pengawas Tun Abdul Razak juga disegani kerana kejayaannya dalam usia yang agak muda itu. Dalam bidang sukan, beliau bermain Hoki, Tenis

Rutin - lazim, sentiasa dilakukan
Prestasi - pencapaian



dan Squash. Permainan hoki menjadi sukan yang diminatinya sehingga beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Setelah menamatkan pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Tun Abdul Razak mendapat **biasiswa** melanjutkan pelajaran ke Raffles College di Singapura dalam bidang

Biasiswa - bantuan kewangan



Undang-Undang, Ekonomi dan sejarah untuk selama tiga tahun bagi kelulusan diploma.

Peringkat diploma adalah peringkat paling tinggi ditawarkan ketika itu. Di Raffles College ini, Tun Abdul Razak terasa perbezaan paling ketara berbanding dengan Maktab Melayu di Kuala Kangsar dahulu.

Di Raffles College mempunyai pelajar berbilang kaum tidak seperti di Maktab Melayu di mana hanya kalangan Melayu dan anak-anak Raja sahaja. Walau bagaimanapun di Raffles College majoriti pelajarannya adalah kaum Cina.

Di kolej inilah Tun Abdul Razak bertemu dengan beberapa pelajar Melayu dari Pahang dan Johor yang akhirnya menjadi sahabat dan rakan dalam kabinet kerajaan setelah negara merdeka.

Tun Abdul Razak telah berjaya melepasi peperiksaan kertas tahun pertama di Raffle College, tetapi malangnya ketika itu *meletus* perang dunia kedua di mana tentera Jepun sudah



menyerang Singapura dan Malaya. Terhentilah Tun Abdul Razak daripada meneruskan pelajaran.

Oleh kerana keadaan keselamatan tidak menentu akibat perang dunia kedua itu, Tun Abdul Razak pulang ke kampung Jambu Langgar tinggal bersama keluarga. Beliau kembali semula hidup sebagai seorang remaja kampung **membanting tulang** dengan bercucuk tanam, menanam padi dan menangkap ikan di sungai.

Sungguhpun hidup sedemikian menyihatkan badan tetapi ianya terasa **mengongkong** jiwanya yang ingin terus



maju dan bergerak ke hadapan. Tetapi apakah yang boleh dilakukan.

Akhirnya beliau ke Bentong menemui bapanya supaya dapat membantu beliau mendapatkan pekerjaan. Tetapi malang sekali

Membanting tulang - bekerja menggunakan tenaga sendiri


Mengongkong - membelenggu, terikat, tidak bebas

kerana ketika itu semua pekerjaan terutama yang berjawatan kerajaan adalah di bawah pengawasan dan kawalan pihak tentera Jepun.

Oleh yang demikian beliau memohon pinjaman beberapa ratus ringgit daripada ayahnya. Dengan sejumlah wang itu, beliau bersama-sama dengan rakannya **menerbitkan** sebuah akhbar mingguan yang bertajuk “The Gegaran Masa”.

Tentera Jepun tidak senang hati dengan langkah yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dan rakan-rakannya yang mengendalikan penerbitan akhbar itu.

Menerbitkan - mengeluarkan







Tun Razak kanan sekali ketika memasuki latihan tentera Jepun. Menggunakan segala pengalaman dari latihan itu, beliau telah menyertai pasukan bawah tanah "Force 136" untuk menentang Jepun sehinggalah Jepun menyerah kalah.

Tun Abdul Razak secara senyap-senyap menyertai pasukan bawah tanah dengan membantu 'force 136' sebuah unit elit tentera bersekutu yang dipayung terjunkan ke Malaya untuk ***mensabotaj*** tentera Jepun.

Ketika tentera Jepun menyerah kalah, Tun Abdul Razak berpangkat kapten. Sumbangan Tun Abdul Razak begitu membanggakan pihak tentera bersekutu. Di atas jasanya itu maka Tun Abdul Razak dihadiahkan biasiswa oleh kerajaan Kolonial untuk menuntut di England pada tahun 1947.


Mensabotaj - menggagalkan, merosakkan usaha



Pengalaman sebagai seorang askar menjadikan beliau lebih bersemangat memimpin negara daripada terus dijajah.

Semasa menuntut di England dalam jurusan undang-undang, Tun Abdul Razak dengan cemerlang berjaya menamatkan pengajiannya dengan mengambil masa selama 18 bulan sahaja. Dalam masa yang sama beliau

berkenalan dengan Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Pertama) yang ketika itu masih berada di England.



Di Englandlah beliau menubuhkan 'Forum Tanah Melayu' iaitu sebuah persatuan menyemaikan semangat Kemerdekaan Tanah Melayu. Setelah ayahandanya meninggal dunia, Tun Abdul Razak pulang ke tanah air dan mula menyertai perkhidmatan awam.

Semasa menjadi pemimpin negara, Tun Abdul Razak banyak berkhidmat dan berjuang untuk rakyat, negara tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan. Beliau adalah pemimpin yang mengilhamkan beberapa dasar

bagi menjamin kehidupan rakyat pelbagai kaum dalam negara aman dan damai.



Kepulangan Tun Abdul Razak ke tanah air setelah beliau tamat belajar memberi rahmat kepada rakyat yang dipimpinnya.



Berakit-rakit ke hulu,
Berenang-renang ke
tepiian,
Bersakit-sakit dahulu,
Bersenang-senang
kemudian.

Walaupun Tun Abdul Razak seorang Perdana Menteri, pengalaman lama mengajar beliau supaya tidak melupakan rakyat di pelusuk tanahair.

Tun Abdul Razak disifatkan sebagai seorang yang sangat pengasih dan perkataan kasihan itu sentiasa sahaja bermain di bibirnya. Beliau juga tidak suka menyakiti hati orang lain.

Tun Abdul Razak adalah Timbalan Perdana Menteri Pertama dan beliau juga memegang jawatan sebagai



Biar bermain lumpur atau meniti jambatan kayu, Tun Abdul Razak tetap **bertandang** ke kawasan pendalaman demi untuk membela nasib rakyat walaupun jauh di pendalaman.

Menteri Pelajaran. Pada tahun 1965 beliau mengemukakan 'Penyata Razak'. Beliau juga yang menggerakkan usaha menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970.

Pada 19 Jun 1972, Tun Abdul Razak melancarkan perkhidmatan melalui televisyen untuk kemudahan persekolahan bagi **membasmi** buta huruf dan meningkatkan pencapaian akademik masyarakat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Bertandang - berkunjung, melawat
Membasmi - menghapuskan



Beramah mesra dengan penduduk kampung, membuatkan rakyat semakin sayang kepada Tun Razak yang telah banyak berkorban dan berkhidmat kepada mereka.



Menabur benih ikan salah satu usaha Tun Abdul Razak ke arah kemajuan penternak.



Rancangan kelapa sawit merupakan salah satu daripada rancangan yang diilhamkan dan diusahakan Tun Abdul Razak hingga memberi kesenangan kepada rakyat dan negara.

Pada 17 November 1959, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Pertama telah melantik Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebagai Menteri berkenaan, beliau merangka satu dasar pembangunan baru negara mengemaskini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan - FELDA dan melancarkan 'Buku Merah' pada 6 Mei 1962.

Pada bulan Mac 1966 Tun Abdul Razak melancarkan 'Gerak Maju', yang merupakan program jayadiri serta



'Buku Hijau'. 'Rancangan Malaysia Pertama -
1966-1970.

Selepas **tragedi** berdarah 13 Mei 1969,
Parlimen digantung dan negara
ketika itu diperintah oleh
Majlis Tindakan Negara -
MAGERAN di mana Tun
Abdul Razak adalah
pengerusinya.

Dalam masa yang agak
singkat, Tun Abdul Razak
telah berjaya memulih
kembali keadaan
keselamatan dalam negara
dan serentak dengan itu
beliau mengembalikan
semula negara kepada

Tragedi - kejadian

Tun Abdul Razak semasa melancarkan 'Buku
Hijau' iaitu rancangan ke arah
membangunkan kehidupan rakyat dan
negara terutama di kawasan luar bandar.



Tun Abdul Razak menghormati semua bangsa di Malaysia. Perpaduan amat penting untuk kemakmuran negara.

pemerintahan demokrasi berparlimen. Seajar dengan itulah diperkenalkan '**Rukun Negara**':

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara


yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat **progresif** yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:-

- * **Kepercayaan Kepada Tuhan**
- * **Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**
- * **Keluhuran Perlembagaan**
- * **Kedaulatan Undang Undang**
- * **Kesopanan dan Kesusilaan.**

Segala idea yang dirancang, dilaksana oleh beliau dan pemimpin-pemimpin selepas beliau adalah agenda tersusun kerajaan yang memerintah sejak Merdeka bagi menentukan masa depan rakyat keseluruhannya adalah terjamin dan tidak akan ketinggalan dengan bangsa-bangsa lain.

Progresif - kemajuan, menuju ke arah perbaikan
Berikrar - berjanji dengan bersungguh-sungguh hati



Tun Abdul Razak sedang meletakkan batu tanda semasa merasmikan masjid.

Pada 21 Jun 1970 Dasar Ekonomi Baru - (DEB) dilancarkan sebagai falsafah pembangunan yang menekankan **kesinambungan** antara pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi dengan menjadikan matlamat utamanya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan kegiatan ekonomi berdasarkan kaum.

Era Tun Abdul Razak juga menjurus kepada era revolusi mental dalam menampilkan falsafah budaya, sosial, politik dan ekonomi negara yang dirumus semula secara **komprehensif** dan **pragmatik**

lanya juga dilihat sebagai era mengisi kemerdekaan dan

memperlengkapkan rakyat dengan pendidikan dan kemajuan untuk menghadapi masa-masa depan yang lebih **kompleks** dan mencabar.

Walau bagaimanapun, hasil kejayaan dibawah perancangan jangka panjangnya tidak dapat disaksikan bersama kerana Allah S.W.T. menghendaki beliau kembali kepadaNya. Dan pada 14 Januari 1976, Tun Abdul Razak kembali ke rahmatullah disebuah klinik di London dalam usia 54 tahun.

Jenazahnya tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang keesokan harinya. Puluhan ribu rakyat termasuk murid-murid sekolah beratur sepanjang jalan



Kesinambungan - bersambungan
Komprehensif - menyeluruh
Pragmatik - berguna
Kompleks - lebih rumit

Tun Abdul Razak sangat sayang kepada kanak-kanak begitu juga kanak-kanak sangat menyanyangi beliau sebagai pemimpin negara.

Parlimen untuk memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Tun Abdul Razak.

Jenazah pemimpin berjiwa rakyat yang disayangi ini diletak di Dewan Besar bangunan Parlimen untuk **diziarahi** rakyat. Jenazah Tun Abdul Razak **disemadi** di **Makam** Pahlawan.

Tun Abdul Razak menemui Toh Puan Hajjah Rahah semasa beliau menghadiri majlis Pertubuhan Kebangsaan Melayu

B e r s a t u

(U M N O)

y a n g

diadakan



Tun Abdul Razak bersama isterinya Toh Puan Raha. Toh Puan Raha juga banyak membantu Tun Abdul Razak dengan membabitkan diri dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan wanita.



Keluarga bahagia,
Tun Abdul Razak
bergambar
bersama isteri dan
anak-anak.

di rumah Tan Sri Noah (Allahyarham) bapa kepada Toh Puan Rahah. Kejelitaan Toh Puan Rahah telah mencuri hati Tun Abdul Razak.

Tun Abdul Razak **dijabkulkan** dengan Toh Puan Rahah pada 4 September 1952, Hasil perkongsian hidup bahagia mereka telah dikurniakan Allah lima orang putera iaitu, Najib, mengambil sempena nama Presiden Egypt-Naguib lahir pada 23 Julai 1953.

Diziarahi - dilawati, dikunjungi

Disemadi - dikebumikan

Makam - kubur

Dijabkulkan - dinikahkan



Tun Abdul Razak sedang berdayung sampan menikmati ketenangan. Beliau ialah seorang pemimpin yang sentiasa memikirkan cara untuk membantu dan memperbaiki nasib rakyat.

Sementara anak lelaki kedua bernama Ahmad Johari lahir pada 29 November 1954, Mohd Nizam lahir pada 3 Oktober 1958, Mohd. Nazim lahir pada 3 Mac 1962 dan yang kelima Mohd. Nazir lahir pada 19 November 1966.

Tun Abdul Razak gemar makan pisang dan segelas susu setiap pagi. Kuih kesukaannya ialah 'tepung pelita'. Beliau akan pulang waktu tengahari untuk makan bersama isteri sekiranya tidak ada undangan majlis makan.

Seperti manusia biasa, Tun Abdul Razak gemar mendengar muzik. Lagu-lagu kegemarannya termasuk "Yang Ditunggu Tak Tiba", "Injit-Injit Semut", "Joget Pahang" dan "Autumn Leaves".

Menjadi amalannya, setiap kali tiba hari lahir disambut secara senyap-senyap dengan mengadakan kenduri bersama keluarga terdekat dan sahabat karib yang rapat sahaja. Dengan mengadakan sembahyang berjemaah dan bacaan doa beserta “pulut kuning” mengikut tradisi Melayu.

Sebagai pelajar, pengajar, pekerja, peniaga, lelaki atau perempuan, sama-sama kita mendoakan ke hadrat Allah S.W.T. semoga diangkat rohnya bersama-sama kita kaum syuhadah. Sama-samalah kita menghadihkan al-fatihah kepada rohnya. Amin.



Di Makam Pahlawan bersemadanya pahlawan kita yang cekal, Tun Hussein Onn Perdana Menteri Ke-3 sedang merenjis air mawar di pusara.

SOALAN-SOALAN

1. Tun Abdul Razak adalah Perdana Menteri Malaysia yang ke berapa dan pada tahun berapakah beliau menjadi Perdana Menteri?

2. Berapa lamakah Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri?

3. Apakah gelaran yang diberikan kepada Tun Abdul Razak?

4. Berikan tarikh lahir Tun Abdul Razak dan tempat beliau dilahirkan.

5. Siapakah nama ibu dan bapa Tun Abdul Razak?

6. Siapakah yang membesarkan Tun Abdul Razak dan bagaimanakah suasana tempat beliau dibesarkan?

7. Kenapakah Tun Abdul Razak sangat disayangi keluarga dan rakan-rakan beliau?

8. Pada usia berapakah Tun Abdul Razak dimasukkan ke sekolah dan bagaimanakah beliau pergi ke sekolah?

9. Berapakah jumlah wang yang diberikan kepada Tun Abdul Razak untuk belanja sekolah?

10. Selepas waktu sekolah apakah yang sering dilakukan oleh Tun Abdul Razak setiap hari?

Tun Abdul Razak akan pergi ke masjid setiap hari selepas waktu sekolah.

11. Pada tahun berapakah Tun Abdul Razak melanjutkan pelajaran beliau ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, siapa yang memilih beliau dan kenapakah beliau dipilih?

Tun Abdul Razak melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1947. Beliau dipilih oleh pihak maktab kerana beliau adalah pelajar yang berprestasi tinggi.

12. Pada awal pengajian Tun Abdul Razak di Maktab Melayu Kuala Kangsar apakah masalah yang timbul bagi beliau dan kenapakah perkara ini berlaku?

Beliau mengalami masalah penyesuaian diri kerana beliau adalah pelajar yang berprestasi tinggi dan diajar oleh guru-guru yang berprestasi tinggi.

13. Kenapakah Tun Abdul Razak dapat melompat kelas dan apakah kelulusan yang diperolehi oleh beliau?

Beliau melompat kelas kerana beliau adalah pelajar yang berprestasi tinggi dan diajar oleh guru-guru yang berprestasi tinggi. Beliau memperoleh kelulusan yang tinggi.

14. Selain menjadi pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik beliau juga menceburi bidang sukan. Nyatakan sukan-sukan yang diceburinya dan apakah sukan yang paling diminatinya?

--

15. Selepas tamat pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar dimanakah Tun Abdul Razak melanjutkan pelajaran dan apakah bidang yang diambil oleh beliau?

--

16. Siapakah yang meminjamkan wang kepada Tun Abdul Razak untuk menerbitkan akhbar mingguan dan apakah nama akhbar tersebut?

--

17. Apakah nama pasukan bawah tanah yang disertai oleh Tun Abdul Razak dan apakah objektif pasukan tersebut?

--

18. Apakah pangkat Tun Abdul Razak ketika Jepun menyerah kalah ?

19. Dimanakah Tun Abdul Razak berkenalan dengan Tunku Abdul Rahman Perdana Menteri Malaysia Pertama?

20. Apakah nama persatuan yang ditubuhkan oleh Tun Abdul Razak dan apakah objektif persatuan tersebut?

21. Sebelum menjadi Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pernah memegang beberapa jawatan menteri. Apakah jawatan-jawatan tersebut?

22. Nyatakan beberapa usaha yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak sebagai menteri tersebut dan juga sebagai Perdana Menteri.

23. Kenapakah MAGERAN diwujudkan dan apakah objektif MAGERAN?

24. Apakah jawatan Tun Abdul Razak dalam MAGERAN?

25. Apakah Rukun Negara dan prinsip-prinsip Rukun Negara?

26. Apakah nama isteri Tun Abdul Razak dan bilakah mereka mendirikan rumah tangga?

AKTIVITI

1. Buat kajian anda sendiri tentang Tun Abdul Razak serta catitkan pada nota anda dan kemudian buat karangan, puisi atau sajak berkenaan beliau.

Anda boleh mendapatkan bahan-bahan mengenai Tun Abdul Razak dengan:

- a) Melawat memorial Tun Abdul Razak
- b) Melawat perpustakaan dan mencari buku-buku sejarah berkenaan beliau.
- c) Menyenaraikan perkara-perkara yang telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak semasa beliau berkhidmat di dalam kerajaan.
- d) Menyenaraikan nama dan tempat di mana jalan-jalan, bangunan-bangunan, institusi-institusi dan sebagainya yang diberi nama sempena nama Tun Abdul Razak.

2. Membaca, mengingati dan menghayati Rukun Negara untuk memahami prinsip-prinsip yang harus ada pada rakyat Malaysia sebagaimana disarankan oleh Tun Abdul Razak.

MORAL

1. Kita hendaklah sentiasa menziarahi saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat-handai untuk bertanya khabar dan saling membantu agar ikatan antara kita lebih erat, sebagaimana yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak yang sentiasa mencari masa dalam kesibukannya untuk melawat rakyat di serata pelusuk negara.
2. Sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai berbagai bangsa dan agama kita hendaklah menghormati antara satu sama lain agar negara tetap aman damai.
3. Sebagai pelajar kita perlu berusaha untuk berjaya dan meningkatkan pencapaian dalam apa bidang sekali pun.

MAKNA PERKATAAN

Berkaki ayam - tidak memakai apa pun di kaki

Azam - kemahuan, keinginan, cita-cita

Bangsawan - bangsa atau keturunan yang mulia

Rutin - lazim, sentiasa dilakukan

Prestasi - pencapaian

Biasiswa - bantuan kewangan

Meletus - berlaku, terbit

Membanting tulang - bekerja menggunakan tenaga sendiri

Mengongkong - membelenggu, terikat, tidak bebas

Menerbitkan - mengeluarkan

Mensabotaj - menggagalkan, merosakkan usaha

Bertandang - berkunjung, melawat

Membasmi - menghapuskan

Tragedi - kejadian

Progresif - kemajuan, menuju ke arah perbaikan

Berikrar - berjanji dengan bersungguh-sungguh hati

Kesinambungan - bersambungan

Komprehensif - menyeluruh

Pragmatik - berguna

Kompleks - lebih rumit

Diziarahi - dilawati, dikunjungi

Disemadi - dikebumikan

Makam - kubur

Dijabkabulkan - dinikahkan

Latihan:

1. Buat ayat menggunakan setiap perkataan yang bergaris di atas.
2. Cari makna lain bagi setiap perkataan yang bergaris di atas

Insan mulia adalah yang sentiasa mensyukuri nikmat Allah S.W.T dan tidak lupa berterima kasih. Dianya akan merenung jauh membanding apa yang ada padanya adalah lebih baik daripada yang kurang dan tidak ada pada orang lain.

Maka lahirlah rasa keprihatinan dan kasihan terhadap yang kurang dan tak berada. Itulah perasaan dan hati "Perdana Menteri Kita" kedua, Tun Abdul Razak bin Datuk

Hussein yang telah kembali ke Rahmatullah 25 tahun lalu.

Sungguhpun Tun Abdul Razak anak seorang bangsawan, tetapi sejak kecil lagi beliau dididik dan dibesarkan dalam suasana kampung di bawah penjagaan datuknya.

Kesusahan hidup di zaman itu mendorong diri Tun Abdul Razak untuk maju dalam pelajaran dan hidup.

Tun Abdul Razak adalah seorang yang mudah kasihan terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Sifatnya itu berterusan hinggalah beliau menjadi pemimpin dan Perdana Menteri.

Dengan usaha, semangat dan azam yang kuat, Tun Abdul Razak berjaya melintasi segala kesusahan dan keperitan hidup. Beliau pintar, cerdik dan cergas. Perhitungan dan tindakannya tetap. Segala perancangannya sama ada jangka pendek atau panjang nyata berjaya memberi faedah dan keuntungan kepada rakyat dan golongan sasarannya.

Kehidupan rakyat terutama di kampung, desa di kawasan-kawasan luar bandar telah banyak menikmati hasil keringat pemikiran dan usaha Tun Abdul Razak.



JUZ' ART (000978011-D)
32 Jalan Watan 7,
Taman Sri Watan,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel/Fax : 03-4296 6718
E-mail : juzart@hotmail.com

ISBN 983-99269-5-0



9 789839 926958